

Bersatu muktamad ke Sabah - Dr. M

UM
- 16/2/2019
m/s: 4

Oleh **AZMAN IBRAHIM** dan **AFIQ MOHD. SHAH**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 15 FEB.**

WALAU PUN sebelum ini Presiden Parti Warisan Sabah (Warisan), Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal pernah menyuarakan tiada keperluan untuk Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) ke Sabah, namun hari ini keadaan sebaliknya berlaku apabila parti itu sah akan melebarkan sayapnya ke Negeri di Bawah Bayu itu.

Keputusan tersebut dibuat dalam mesyuarat majlis kepemimpinan tertinggi Bersatu dan diumumkan Pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad, sekali gus bakal melengkapkan tiga lagi parti Pakatan Harapan (PH) sedia ada di negeri itu.

Dr. Mahathir berkata, keputusan itu dibuat melihat keadaan di negeri itu sendiri kerana ada pihak-pihak yang tidak ingin menyertai Parti Warisan Sabah (Warisan), tetapi mahu bersama PH, terutama Bersatu.

Namun, kata Dr. Mahathir, pihaknya menetapkan syarat penting untuk menyertai parti itu ialah mereka bukan ahli dalam mana-mana parti PH terutamanya DAP, Parti Amanah Negara (Amanah), PKR dan Warisan, pemohon mesti keluar dari UMNO dan menjadi ahli Bebas dalam tempoh yang lama.

“Kita (Bersatu) hendak pergi Sabah sebab hendak kuatkan



MAHATHIR MOHAMAD bersama kepimpinan Bersatu dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi parti itu di Yayasan Al-Bukhary, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Muhyiddin Yassin dan Mukhriz Mahathir. - **BERNAMA**

kerajaan Mohd. Shafie, bukan menentang. Siapa sahaja di Sabah yang hendak masuk Bersatu, kita akan terima, terhad pada bekas ahli UMNO. Kita terima mereka dengan syarat kita tapis secara individu, bukan kumpulan. Itu keputusan kita.

“Kita ke sana (Sabah) bukan untuk tukar kerajaan. Itu bukan niat kita,” katanya dalam sidang akhbar di Yayasan Al-Bukhary, Taman Tasik Perdana di sini hari ini.

Yang turut hadir dalam sidang akhbar itu ialah Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Timbalan Presidennya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, keputusan Bersatu ke Sabah juga disebabkan

Warisan dianggap bukan parti dalam gabungan PH.

“Warisan tidak ada dalam PH..., kita terima, kita sokong ketua Warisan sebagai Ketua Menteri Sabah. Pemimpin Warisan juga telah dipilih, tiga wakil untuk menjadi menteri dalam Kabinet dan dua lagi pimpinan Warisan jadi timbalan menteri,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Bahagian Politik dan Polisi Awam Sekolah Perdana, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Mazlan Ali menyifatkan masih terlalu awal untuk Bersatu bertapak di Sabah dan seharusnya memberi tumpuan mengukuhkan parti di Semenanjung terlebih dahulu.